

Buletin



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

e-ISSN: 2600-8289

Sya'ban 1447H/Januari 2026

ACIS

Siri 1 Fenomena Songsang: Cabaran Moral Masyarakat Moden

eISSN 2600-8289



9 772600 828001

Buletin ACIS

SIDANG REDAKSI

Penaung:

Prof Madya Ts. Dr. Noorlis Ahmad

Penasihat:

Nasif Sidquee Pauzi (Ketua Pusat Pengajian ACIS)

Editor:

Ahmad Faiz bin Haji Ahmad Ubaidah

Nasif Sidquee Pauzi

Dr Mohamad Redha bin Mohamad

Siti Nur Husna Abd Rahman

Sidang Pengarang:

Nasif Sidquee Pauzi

Uzairi Affendi Sahizan

Dr Mohamad Hasif Jaafar

Dr Siti Nurhidayah Binti Md Tahir

Nurul Atikah binti Poniran

Nurul Safwah binti Mohd Aminuddin Zaki

Ahmad Bukhari bin Samsul Ariffin

Dr Nabilah Huda Zaim

Siti Nur Husna Abd Rahman

Nadiah Binti Hj Mohd Zin

Shahril Anuar Abdul Ghalim

Penerbit:

Akademi Pengajian Islam Kontemporari
UiTM Cawangan Negeri Sembilan Kampus Seremban
Persiaran Seremban Tiga/1 70300 Seremban 3,
Negeri Sembilan

Keterangan:

Pengarang bertanggungjawab sepenuhnya terhadap artikel yang dihantar dari segi ketepatan fakta dan bebas daripada unsur plagiat, terjemahan atau penyiaran di mana-mana penerbitan. Artikel menjadi milik ACIS UiTM Negeri Sembilan untuk disunting, dicetak dan diterbitkan.

Berminat untuk menerbitkan artikel akademik atau kreatif?

Hantarkan ke

buletinacisnsdk@gmail.com

Pengantar Redaksi

Assalamualaikum dan salam sejahtera kepada pembaca budiman sekalian, Alhamdulillah **Buletin ACIS siri ke-85** pada bulan Januari 2026 yang mempunyai e-ISSN ini berjaya diterbitkan. Perkongsian utama bulan ini “**Siri 1 Fenomena Songsang: Cabaran Moral Masyarakat Moden**”.

Selain itu, bermula Jan 2025 telah memperkenalkan satu ruangan baharu yang dinamakan **Serambi Wahyu** serta terdapat banyak lagi hasil penulisan yang menarik di dalam keluaran kali ini. Semoga Buletin ACIS ini dapat memberi manfaat kepada para pembaca dan warga UiTM semua.

Selamat membaca.

Isi Kandungan

Bahana Homoseksualiti, Runtuhnya Nilai Akhlak Masyarakat Masa Kini **3**

Pemeriksaan Institusi Kekeluargaan Benteng Penularan Fenomena Songsang **4**

Maqasid Hifz al-Mal dan Cabaran Fenomena Sosial Kontemporari **6**

Kesan Hubungan Songsang Terhadap Akhlak Remaja Muslim: Analisis Berdasarkan al-Quran, Hadis dan Realiti Semasa **8**

Antara Kebebasan dan Fitrah: Pengukuhan Agama dalam Menangani Fenomena Songsang menurut Kerangka Ilahiyah dan Nubuwwah **11**

Akal Sihat Dalam Dunia Tidak Sihat **12**

Puisi: Cahaya Dalam Ke gelap an **13**

Kritikan Penyiaran: Sorotan Kejayaan 2025 dan Jangkaan Industri Perfileman 2026 **14**

Puisi: Semalam Dihargai, Esok Diperhati **15**

eISSN 2600-8289



HAKCIPTA TERPELIHARA

Terbitan Buletin ACIS ini
diterbitkan secara bulanan



<https://www.facebook.com/ACISUiTMCNS/>

Bahana Homoseksualiti, Runtuhnya Nilai Akhlak Masyarakat Masa Kini

Oleh:

Nasif Sidquee Pauzi

Pensyarah Kanan, Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), UiTM Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Seremban.

Islam adalah agama fitrah. Ia bersesuaian dengan manusia tanpa mengira tempat atau masa. Tidak kira zaman bila sekalipun, apa yang dibawa oleh Islam tidak pernah berubah. Nilai akhlak sejak zaman nabi Adam a.s sehingga ke hari kiamat tidak akan berubah. Apa yang halal dalam Islam akan kekal halal dan begitulah juga sebaliknya, jika sesuatu itu diharamkan maka ianya akan kekal haram. Perbincangan berkaitan seksualiti berkait rapat dengan akhlak dan juga peranan Islam dalam melindungi maruah dan keturunan umat manusia.

Peredaran zaman dan perubahan dunia akibat globalisasi telah sedikit sebanyak menghakis nilai-nilai ketimuran dan kesusilaan masyarakat Islam pada hari ini. Dari soal makanan hinggalah soal berpakaian dan budaya, masyarakat pada hari ini terdedah dengan nilai-nilai negatif yang masuk daripada barat melalui wahana komunikasi tanpa disedari. Jika dulu sewaktu penulis masih kanak-kanak, tiada skrin untuk ditatap 24 jam. Televisyen yang ada mempunyai siaran yang terhad, bermula 8 pagi sehingga 12 tengah malam. Saluran penyiaran juga terhad kepada tiga atau empat siaran sahaja (RTM 1, RTM2, TV3). Apa yang ditonton agak terkawal. Namun kini, dengan telefon pintar yang mudah didapati, dan tiada had umur penggunaan maka segala-galanya dapat diakses dengan jari jemari, dan tiada had masa penggunaannya. Akibatnya, anasir-anasir negatif masuk ke minda anak muda seawal kanak-kanak lagi.

Membincangkan hal negatif yang wujud pada hari ini sangat banyak. Namun dalam penulisan kali ini, tumpuan yang diberikan adalah kepada gejala homoseksualiti yang kian membarah dalam masyarakat. Penulis berpendapat, gejala homoseksualiti semakin merebak pada hari ini adalah kesan daripada akses bahan-bahan lucah yang mudah didapati dari gajet yang ada. Hasil pencarian penulis berkaitan istilah homoseksualiti mendapati, istilah ini mula digunakan dalam penulisan bermula sekitar tahun 1869 yang digunakan oleh Karl Maria Kertbeny, seorang wartawan berbangsa Austria-Hungary. Beliau telah mengkritik *Prussian Sodom Law* (undang-undang yang mengharamkan perbuatan liwat) di German.

Apabila membincangkan perihal homoseksualiti, secara tidak langsung ia turut berkait dengan gerakan *Lesbian, Gay, Bisexual, Transgender and Queer/Questioning* (LGBTQ) iaitu gerakan yang memperjuangkan gaya hidup songsang. Dikatakan bahawa kemunculan gerakan yang memperjuangkan hak golongan ini tercetus apabila telah berlaku satu peristiwa rusuhan di Stonewall Inn, New York, Amerika Syarikat. Pada 28 Jun 1969, berlaku konfrontasi antara polis dengan aktivis gerakan LGBTQ yang akhirnya

telah mewujudkan sebuah gerakan tersusun di peringkat antarabangsa yang memperjuangkan hak golongan ini.

Dari sudut psikiatri, homoseksualiti pernah disenaraikan sebagai gangguan mental dalam *Diagnostic and Statistical Manual of Mental Disorders* (DSM) era terdahulu, tetapi *The American Psychological Association* (APA) telah mengeluarkannya pada Disember 1973 selepas perbincangan profesional tentang definisi gangguan mental dan bukti berkaitan homoseksualiti tidak memenuhi kriteria gangguan mental.

Di awal penulisan, penulis telah menyatakan bahawa Islam adalah agama yang berperanan melindungi maruah dan keturunan manusia, justeru cara hidup homoseksualiti yang dibincangkan ini bukan sahaja bertentangan dengan nilai akhlak, bahkan ia bertentangan dengan agama Islam. Hal ini dapat dilihat dengan meneliti nas yang terkandung dalam al-Quran dan hadith. Antaranya ialah ayat 80-82 surah al-A'raf yang menyatakan perihal kaum Nabi Lut a.s., ayatnya berbunyi:

وَلَوْ طَآءَ إِذْ قَالَ لِقَوْمِهِ أَنِ اتَّبِعُوا الْفَرِيسَةَ مَا سَبَقَكُمْ بِهَا مِنْ أَحَدٍ مِّنَ الْعَالَمِينَ

"Dan Nabi Lut juga (Kami utuskan). Ingatlah ketika ia berkata kepada kaumnya: "Patutkah kamu melakukan perbuatan yang keji, yang tidak pernah dilakukan oleh seorang pun dari penduduk alam ini sebelum kamu?"

إِنَّكُمْ لَتَأْتُونَ الرِّجَالَ شَهْوَةً مِّنْ دُونِ النِّسَاءِ بَلْ أَنْتُمْ قَوْمٌ مُّسْرِفُونَ

"Sesungguhnya kamu mendatangi lelaki untuk memuaskan nafsu syahwat kamu dengan meninggalkan perempuan, bahkan kamu ini adalah kaum yang melampaui batas"

وَمَا كَانَ جَوَابَ قَوْمِهِ إِلَّا أَنْ قَالُوا أَخْرِجُوهُمْ مِّنْ قَرْيَتِكُمْ إِنَّهُمْ أَنَاسٌ يَّتَطَهَّرُونَ

Dan tidak ada jawab dari kaumnya selain daripada berkata: "Usirlah mereka (Nabi Lut dan pengikut-pengikutnya yang taat) dari bandar kamu ini, sesungguhnya mereka adalah orang-orang yang (mendakwa) mensucikan diri"

Di dalam Tafsir Ibn Kathir menyatakan bahawa maksiat homoseksualiti yang diamalkan oleh kaum Nabi Lut a.s ialah perbuatan mungkar yang tidak pernah dilakukan oleh mana-mana kaum sebelum itu. Perbuatan tersebut bukan sahaja melibatkan hubungan seksual lelaki dengan lelaki, tetapi termasuk juga hubungan seksual perempuan dengan perempuan. Seruan dan dakwah Nabi Lut a.s tidak diendahkan, bahkan kaumnya mengejek dan memerli

Nabi Lut a.s dan orang-orang beriman sebagai golongan yang berlagak suci.

Bahana homoseksualiti ini juga bukan sekadar meruntuhkan nilai dan akhlak masyarakat, tetapi ia juga memberi kesan negatif terhadap kesihatan manusia. Laporan *United Nations Programme on HIV/AIDS* (UNAIDS) bagi tahun 2024 menyatakan bahawa golongan yang melakukan hubungan seksual lelaki dengan lelaki lebih berisiko 23 kali ganda dijangkiti *Human Immunodeficiency Virus*

penyakit-penyakit lain juga turut disenaraikan kerana perbuatan homoseksualiti membawa risiko penyakit berjangkit. Antara penyakit lain yang berkait dengan perbuatan ini adalah Sifilis, Gonorea, penyakit-penyakit berjangkit kerana seksual (*Sexually Transmitted Infection-STI*), Human Papillomavirus (HPV) terutama barah dubur, Hepatitis A, Mpox (Monkeypox), Shigella (jangkitan usus) dan lain-lain penyakit berbahaya.

Selain itu, perbuatan homoseksualiti ini juga memberi kesan buruk yang sangat teruk kepada sosial dan turut menjejaskan institusi perkahwinan. Terdapat beberapa penemuan yang telah membincangkan dan menyenaraikan masalah-masalah yang timbul dalam perkahwinan bagi mereka yang terlibat dengan perbuatan homoseksualiti. Apabila pasangan adalah individu homoseksual, isteri akan mengalami trauma (*betrayal trauma*), tekanan psikologi,

konflik peranan dan lain-lain kesan psikologi.

Kesimpulannya, sebagai individu Muslim, cabaran pada hari ini sangat besar untuk dihadapi. Justeru langkah-langkah pencegahan perlu diambil bagi mengelakkan anak muda pada hari ini terjerumus ke kancah maksiat yang boleh merosakkan umat. Akses kepada bahan-bahan lucah perlu disekat oleh pihak kerajaan. Selain itu, peranan ibu bapa sangat kritikal untuk membina karakter dan akhlak Islami. Semoga penulisan ringkas ini membuka mata kita dan menyedarkan kita semua untuk berhati-hati dengan anasir yang merosakkan ini.

Rujukan

- <https://pubmed.ncbi.nlm.nih.gov/3913702/> (Dilayari pada 5 Januari 2026)
https://www.britannica.com/event/Stonewall-riots?utm_source=chatgpt.com (Dilayari pada 5 Januari 2026)
<https://pmc.ncbi.nlm.nih.gov/articles/PMC4695779/> (Dilayari pada 5 Januari 2026)
Ismail bin Umar (Ibn Kathir) (1999), Tafsir al-Quran al-Azim, Riyadh: Dar Tayyibah li al-Nashr wa al-Tawzi'
https://www.unaids.org/sites/default/files/media_asset/2024-unaid-global-aids-update-gay-men_en.pdf (Dilayari pada 12 Januari 2026)
<https://www.tandfonline.com/doi/abs/10.1080/1550428X.2012.641375> (Dilayari pada 15 Januari 2026)

Pemeriksaan Institusi Kekeluargaan Benteng Penularan Fenomena Songsang

Oleh:

Uzairi Affendi Sahizan & Dr Mohamad Hasif Jaafar
Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS),
UiTM Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Kuala Pilah.

Pendahuluan

Kemajuan tamadun manusia pada era moden sering dikaitkan dengan perkembangan teknologi, kebebasan berfikir dan keterbukaan global. Namun begitu, kemajuan ini turut disertai pelbagai permasalahan moral yang semakin rumit. Antara isu yang semakin ketara ialah fenomena songsang, iaitu bentuk pemikiran dan perlakuan yang bertentangan dengan fitrah manusia serta prinsip agama.

Islam sebagai agama yang menyeluruh menyediakan panduan lengkap bagi membentuk keseimbangan kehidupan manusia dari aspek fizikal, emosi, intelektual dan rohani. Dalam menghadapi cabaran moral semasa, institusi kekeluargaan berperanan penting sebagai asas pembentukan akhlak dan identiti diri. Oleh itu, usaha memperkasakan institusi keluarga perlu diberi keutamaan sebagai langkah awal bagi mengekang penularan fenomena songsang dalam masyarakat moden.

Institusi Kekeluargaan Menurut Perspektif Islam

Dalam Islam, institusi kekeluargaan merupakan asas kepada pembinaan masyarakat yang sejahtera. Keluarga bukan

sekadar menjadi tempat perlindungan fizikal, malah berfungsi sebagai medan awal pembentukan iman, akhlak dan nilai kehidupan. Melalui didikan keluarga, anak-anak diperkenalkan kepada konsep halal dan haram, adab pergaulan, tanggungjawab sosial serta matlamat kehidupan yang sebenar. Di dalam Al-Quran turut menegaskan tanggungjawab keluarga dalam memelihara keimanan dan akhlak generasi, sebagaimana firman Allah SWT:

“Wahai orang-orang yang beriman! Peliharalah diri kamu dan keluarga kamu dari neraka” (Surah al-Tahrim: 6)

Ayat ini menunjukkan dengan jelas bahawa kewajipan mendidik dan membimbing ahli keluarga merupakan amanah besar dalam kehidupan seorang Muslim.

Kelemahan Institusi Keluarga dan Penularan Fenomena Songsang

Kelemahan institusi kekeluargaan dikenal pasti sebagai salah satu faktor utama yang menyumbang kepada penularan fenomena songsang. Kesibukan ibu bapa, hubungan komunikasi yang lemah serta kegagalan membentuk suasana rumah yang berteraskan nilai agama menjejaskan proses pembinaan sahsiah anak-anak

Apabila peranan keluarga sebagai pendidik utama tidak dilaksanakan dengan sebaiknya, anak-anak akan mencari rujukan nilai daripada sumber luaran seperti media sosial, rakan sebaya dan budaya popular. Tanpa bimbingan yang konsisten, mereka lebih mudah terjerumus dengan gaya hidup dan pemikiran yang bercanggah dengan fitrah dan ajaran Islam. Situasi ini akhirnya membawa kepada kekeliruan identiti dan penerimaan nilai songsang sebagai sesuatu yang dianggap normal.

Pemerkasaan Peranan Ibu Bapa sebagai Pendidik Moral

Ibu bapa merupakan pendidik terpenting dan paling berpengaruh dalam kehidupan anak-anak. Pendidikan moral tidak hanya bergantung kepada nasihat, sebaliknya perlu disampaikan melalui teladan, komunikasi yang berkesan serta hubungan emosi yang sihat. Tingkah laku dan sikap ibu bapa menjadi contoh langsung yang membentuk pemikiran serta keperibadian anak-anak.

Dalam menghadapi cabaran moral masa kini, ibu bapa perlu memiliki pengetahuan agama yang kukuh, celik terhadap teknologi dan memahami realiti semasa yang dihadapi anak-anak. Pendekatan yang terlalu keras atau terlalu longgar boleh menjejaskan keberkesanan didikan. Sebaliknya, keseimbangan antara disiplin, kasih sayang dan komunikasi terbuka merupakan pendekatan terbaik dalam membimbing anak-anak agar tidak terjerumus ke dalam penyimpangan dan kesesatan nilai.

Keluarga yang kukuh akan membentuk pemikiran kritis dalam jati diri anak-anak, sekali gus membolehkan mereka menilai sesuatu maklumat atau ideologi berdasarkan prinsip agama dan akhlak, bukan semata-mata pengaruh emosi atau tekanan sosial.

Didikan yang berterusan berkaitan identiti Muslim, maruah diri dan batas pergaulan membantu anak-anak

memahami bahawa kebebasan sebenar tidak bererti kebebasan tanpa nilai. Sokongan dan bimbingan keluarga menjadikan anak-anak lebih berdaya tahan dalam menghadapi pengaruh negatif serta tidak mudah terikut-ikut dengan arus pemikiran yang bertentangan dengan ajaran Islam.

Kerjasama Keluarga dan Masyarakat

Walaupun keluarga merupakan institusi utama dalam pembentukan nilai, peranannya perlu disokong oleh persekitaran sosial yang sihat. Kerjasama antara keluarga, institusi pendidikan, institusi agama dan pihak berkuasa amat penting bagi memastikan nilai moral yang konsisten disampaikan kepada masyarakat.

Usaha memperkasa institusi keluarga melalui program keibubapaan, pendidikan kekeluargaan dan pengukuhan nilai keagamaan perlu dilaksanakan secara berterusan. Pendekatan pencegahan ini lebih berkesan berbanding usaha pemulihan selepas berlakunya keruntuhan moral dalam masyarakat.

Kesimpulan

Fenomena songsang merupakan cabaran moral yang besar dalam menguji keteguhan akidah dan jati diri umat Islam dalam dunia moden. Islam tidak menolak kemajuan, namun menegaskan bahawa pembangunan mesti berjalan seiring dengan nilai wahyu dan fitrah kemanusiaan. Keseimbangan antara kemajuan material dan pembinaan akhlak merupakan asas utama kepada kesejahteraan ummah. Oleh itu, tanggungjawab memelihara nilai moral tidak boleh dipikul oleh individu semata-mata, sebaliknya bermula daripada institusi keluarga sebagai asas kepada pembinaan ummah yang sejahtera dan berakhlak mulia..

SERAMBI WAHYU

Tadabbur Al-Quran Mengubat Hati

Kata al-Sayyid al-Jalil Ibrahim al-Khawwas:

دواء القلب خمسة أشياء: قراءة القرآن بالتدبر، وخلاء البطن، وقيام الليل، والتضرع عند السحر، ومجالسة الصالحين.

Maksudnya: Ubat hati ada 5 perkara: membaca al-Quran bersama tadabbur, mengosongkan perut (banyak berpuasa), qiamullail, berzikir di sepertiga malam terakhir, dan duduk bersama orang-orang soleh.

-Dr. Redha-

Maqasid Hifz al-Mal dan Cabaran Fenomena Sosial Kontemporari

Oleh:

Siti Nurhidayah Binti Md Tahir

Pensyarah, Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS),
UiTM Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Kuala Pilah.

Pendahuluan

Syariat Islam diturunkan dengan objektif utama untuk memelihara kemaslahatan manusia secara menyeluruh. Prinsip ini berasaskan hakikat bahawa Islam merupakan agama rahmat yang bertujuan menjamin kesejahteraan dan keharmonian kehidupan insan dalam semua dimensi, sama ada spiritual, moral, sosial mahupun ekonomi. Hal ini ditegaskan dalam firman Allah SWT: *"Dan tidaklah Kami mengutuskan engkau (wahai Muhammad) melainkan sebagai rahmat bagi seluruh alam"* (al-Anbiya: 107). Justeru, keseluruhan sistem perundangan Islam berfungsi sebagai mekanisme perlindungan terhadap kepentingan asas manusia serta sebagai benteng daripada unsur-unsur yang boleh membawa kepada kerosakan individu dan masyarakat.

Maqasid al-shariah merujuk kepada tujuan dan hikmah yang mendasari pensyariaan hukum-hakam Islam. Ia bukan sekadar menjelaskan rasional hukum secara teoritikal, bahkan berperanan sebagai panduan bagi memastikan pelaksanaan syariat sentiasa selari dengan prinsip keadilan, keseimbangan dan kemanusiaan. Kemaslahatan yang ingin direalisasikan oleh syariat dibahagikan kepada tiga peringkat utama, iaitu Daruriyyat merujuk kepada keperluan yang sangat asas dan mendesak sehingga ketiadaannya akan menyebabkan kepincangan serius dalam kehidupan manusia dan mengundang bahaya serta kehancuran kepada masyarakat. Kategori ini merangkumi lima perkara utama iaitu pemeliharaan agama (*hifz al-din*), nyawa (*hifz al-nafs*), akal (*hifz al-aql*), keturunan atau maruah (*hifz al-nasl/al-ird*) dan harta (*hifz al-mal*). Sementara hajiyyat pula adalah keperluan yang diperlukan untuk mengelakkan kesukaran dalam kehidupan, manakala tahsiniyyat berkaitan dengan akhlak mulia dan adab yang menyempurnakan kedua-dua kategori sebelumnya. Kategori daruriyyat merupakan teras utama maqasid kerana pengabaianya boleh membawa kepada keruntuhan kehidupan sosial dan ketidakstabilan masyarakat.

Pemeliharaan kelima-lima perkara asas ini sangat penting bagi mencapai sasaran syariat yang diistilahkan sebagai maqasid al-shariah. Al-Shatibi menyatakan bahawa penjagaan kelima-lima maqasid tersebut berlaku dalam dua aspek. Pertama, penjagaannya dari sudut positif (min janib al-wujud) yang bermaksud segala perkara yang dapat membina dan mengukuhkannya. Kedua, penjagaannya dari sudut negatif (min janib al-adam) yang bermaksud menghalangnya daripada sebarang perkara yang boleh mencacatkannya atau merosakkannya. Kedua-dua aspek ini berfungsi secara bersepadu dalam memastikan

pemeliharaan maqasid al-shariah dilaksanakan secara menyeluruh dan seimbang.

Konsep Hifz al-Mal dalam Kerangka Maqasid al-Shariah

Dalam konteks pemeliharaan lima keperluan asas (*al-daruriyyat al-khamsah*), *hifz al-mal* atau pemeliharaan harta menempati kedudukan yang signifikan kerana ia bukan sahaja berkaitan dengan kesejahteraan material, bahkan turut mempengaruhi aspek-aspek kehidupan yang lain. Dari sudut bahasa, istilah *hifz* membawa maksud menjaga, melindungi dan memelihara sesuatu daripada kerosakan atau kehilangan. Ibn Manzur (1993) menyatakan bahawa harta adalah al-mal al-maruf yang merujuk kepada sebarang barang atau aset yang lazimnya dimiliki atau dikuasai oleh individu. Manakala Wehr (1979) mendefinisikan *al-mal* sebagai harta benda, kekayaan atau aset yang mempunyai nilai ekonomi. Berdasarkan gabungan makna ini, *hifz al-mal* dapat difahami sebagai usaha syariat untuk melindungi harta daripada pencerobohan, penyalahgunaan dan pengambilan secara batil.

Maqasid hifz al-mal ini dibina berdasarkan dalil-dalil al-Quran dan hadis Rasulullah SAW yang menekankan kepentingan pemeliharaan harta sebagai salah satu daripada *al-daruriyyat al-khamsah*. Antaranya firman Allah SWT: *"Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu memakan (mengambil) harta-harta orang lain di antara kamu dengan jalan yang salah (tipu, judi dan sebagainya), kecuali dengan jalan perniagaan yang dilakukan secara suka sama suka di antara kamu."* (al-Nisa: 29)

Begitu juga firman Allah SWT yang mengharamkan pencurian dan merompak: *"Orang lelaki yang mencuri dan orang perempuan yang mencuri, (hendaklah) kamu potong tangan keduanya sebagai balasan bagi apa yang mereka telah lakukan dan sebagai seksaan dari Allah. Dan (ingatlah) Allah Maha Kuasa, lagi Maha Bijaksana."* (al-Maidah: 38)

Maqasid al-shariah telah memberikan perhatian yang mendalam terhadap konsep pemeliharaan harta sebagai salah satu daripada *al-daruriyyat al-khamsah* (lima keperluan asas). Imam al-Ghazali dalam karyanya *al-Mustasfa* menyatakan: *"Sesungguhnya tujuan syariat terhadap makhluk adalah lima perkara: iaitu memelihara agama mereka, jiwa mereka, akal mereka, keturunan mereka dan harta mereka. Maka setiap perkara yang mengandungi pemeliharaan kelima-lima dasar ini adalah masalah, dan setiap perkara yang menghilangkan dasar-dasar ini adalah mafsadah, dan menolaknya adalah masalahah."*

Kepentingan pemeliharaan harta ini ditegaskan secara jelas dalam hadis Nabi Muhammad SAW yang meletakkan harta setara dengan nyawa dan kehormatan seseorang Muslim. Baginda bersabda: *"Setiap Muslim terhadap Muslim yang lain adalah haram (dicabuli): darahnya, hartanya dan kehormatannya."* (Riwayat Muslim). Hadis ini menunjukkan

bahawa harta (*al-mal*) digandingkan secara langsung dengan nyawa (*al-dam*) dan kehormatan (*al-ird*) sebagai hak asasi yang dilindungi oleh syariat. Penggandingan ini mencerminkan bahawa pelanggaran terhadap harta bukan sekadar kesalahan material, bahkan merupakan suatu bentuk kezaliman yang memberi kesan terhadap keselamatan, maruah dan keharmonian sosial.

Namun demikian, pemeliharaan harta dalam era kontemporari menghadapi cabaran yang jauh lebih kompleks berbanding zaman silam. Dalam realiti masyarakat hari ini, pemeliharaan harta berhadapan dengan ancaman baharu yang berpunca daripada perubahan gaya hidup, globalisasi ekonomi dan perkembangan teknologi digital. Yang paling membimbangkan adalah fenomena sosial songsang yang semakin menular, di mana harta mula dijadikan alat legitimasi kepada perlakuan dan naratif yang bercanggah dengan nilai kesederhanaan, amanah dan tanggungjawab sosial yang dituntut oleh Islam. Fenomena ini bukan sahaja mencemarkan tujuan asal pemilikan harta dalam Islam, malah membuka ruang kepada kerosakan ekonomi dan ketidakadilan sosial yang lebih meluas.

Apabila harta digunakan untuk membiayai gaya hidup hedonistik, menyokong industri maksiat, atau menjadi alat pengkomersilan maruah dan kehormatan, *maqasid hifz al-mal* tidak lagi berfungsi sebagaimana yang dikehendaki oleh syariat. Sebaliknya, harta bertukar menjadi medium penyebaran kerosakan moral dan sosial. Oleh itu, dalam kerangka *maqasid al-shariah*, situasi ini menuntut pendekatan yang seimbang agar pemeliharaan harta tidak difahami secara materialistik semata-mata, tetapi dikaitkan dengan tujuan moral dan kemaslahatan umum yang lebih luas.

Berlandaskan kerangka *al-Shatibi*, *maqasid hifz al-mal* dalam konteks fenomena sosial kontemporari perlu direalisasikan melalui dua pendekatan yang saling melengkapi. Pertama, pendekatan positif (*min janib al-wujud*) yang membentuk kesedaran, nilai dan sistem positif bagi pemeliharaan harta yang beretika dan bermakna. Kedua, pendekatan negatif (*min janib al-adam*) yang berfungsi sebagai mekanisme kawalan dan pencegahan terhadap penyalahgunaan harta, khususnya dalam menghadapi ancaman budaya songsang yang semakin berleluasa. Kedua-dua pendekatan ini perlu dilaksanakan secara bersepadu bagi memastikan objektif *maqasid hifz al-mal* tercapai secara menyeluruh dalam menghadapi cabaran fenomena sosial kontemporari.

Pendekatan Positif (*Min Janib al-Wujud*) dalam Merealisasikan Maqasid Hifz al-Mal

1. Pembinaan Kefahaman tentang Harta sebagai Amanah

Pemeliharaan harta dalam kerangka *maqasid al-shariah* berasaskan kefahaman bahawa harta merupakan amanah daripada Allah SWT dan bukan milik mutlak manusia. Al-Shatibi menjelaskan bahawa syariat mengatur pemilikan dan penggunaan harta bagi memastikan ia membawa kepada kemaslahatan dan menghindari kerosakan. Kefahaman ini menjadi asas kepada penggunaan harta secara beretika dan bertanggungjawab.

Dalam menghadapi cabaran fenomena sosial kontemporari, kesedaran tentang harta sebagai amanah menjadi benteng pertahanan yang paling asas. Apabila individu memahami bahawa harta bukanlah untuk dimegah-megahkan atau dibazirkan dalam gaya hidup hedonistik, mereka akan lebih berhati-hati dalam

perbelanjaan. Kesedaran ini mampu menangani fenomena materialisme berlebihan dan budaya konsumerisme yang merosakkan, khususnya amalan mempertontonkan kemewahan di media sosial, pembelian barangan mewah untuk status semata-mata, dan hutang pengguna yang melampau. Lebih penting lagi, kefahaman tentang amanah ini dapat menghalang individu daripada terjerumus ke dalam perangkap ekonomi haram yang sering kali dipromosikan sebagai jalan mudah untuk memperolehi kekayaan. Apabila seseorang menyedari bahawa setiap ringgit yang dibelanjakan akan dipertanggungjawabkan di hadapan Allah SWT, ia akan menjadi penghalang moral yang kuat terhadap godaan budaya songsang yang menjadikan harta sebagai tujuan utama kehidupan.

2. Penggalakan Aktiviti Ekonomi yang Halal dan Produktif

Pendekatan positif dalam *maqasid hifz al-mal* turut merangkumi penggalakan aktiviti ekonomi yang halal dan produktif sebagai mekanisme pembinaan kekayaan yang berkat. Islam bukan sahaja menekankan pemeliharaan harta yang sedia ada, bahkan menggalakkan umatnya untuk berusaha mencari rezeki melalui cara-cara yang dibenarkan syarak. Firman Allah SWT: "*Apabila telah ditunaikan sembahyang, maka bertebaranlah kamu di muka bumi; dan carilah karunia Allah dan ingatlah Allah banyak-banyak supaya kamu berjaya.*" (al-Jumua: 10)

Dalam konteks kontemporari, penggalakan aktiviti ekonomi yang halal perlu diselaraskan dengan perkembangan dan keperluan semasa. Keusahawanan yang beretika, perniagaan yang mematuhi prinsip syariah, dan profesion yang memberi sumbangan positif kepada masyarakat merupakan antara jalan yang digalakkan dalam Islam. Pelbagai sektor ekonomi halal seperti industri makanan halal, perkhidmatan kewangan Islam, dan teknologi berasaskan nilai Islam menawarkan peluang yang luas untuk pembangunan ekonomi yang mampan. Namun, kepentingan penggalakan aktiviti ekonomi halal ini menjadi lebih kritikal apabila berhadapan dengan fenomena budaya songsang kontemporari yang telah membuka ruang kepada ekonomi haram yang mengeksploitasi kelemahan moral masyarakat. Industri-industri yang berlandaskan maksiat seperti pusat hiburan yang melanggar batasan syarak, platform digital yang mempromosikan kandungan lucah, serta aktiviti ekonomi yang mengaut keuntungan daripada penyebaran budaya songsang semakin berleluasa. Ekonomi haram ini bukan sahaja melanggar prinsip *hifz al-mal*, malah turut memusnahkan *maqasid* lain seperti pemeliharaan agama, akal, dan maruah.

Lebih membimbangkan lagi adalah fenomena di mana individu sanggup menjadikan maruah dan kehormatan sebagai komoditi ekonomi melalui platform media sosial dan aplikasi digital yang menawarkan pendapatan lumayan hasil daripada kandungan yang melanggar syarak. Perkembangan teknologi melalui media massa telah menyebabkan budaya songsang berkembang dengan pantas. Oleh itu, penggalakan aktiviti ekonomi halal sebagai alternatif yang kompetitif dan menarik menjadi satu keperluan mendesak. Ia bukan sekadar pilihan ekonomi, bahkan merupakan strategi penting dalam membendung penyebaran budaya songsang yang mengancam kemaslahatan ummah.

Pendekatan Negatif (Min Janib al-Adam) dalam Merealisasikan Maqasid Hifz al-Mal

1. Pencegahan Pembaziran Harta

Pembaziran harta merupakan salah satu bentuk penyalahgunaan yang jelas dilarang dalam Islam. Allah SWT berfirman: "*Dan janganlah kamu membazir (hartamu) dengan boros. Sesungguhnya orang-orang yang membazir itu adalah saudara-saudara syaitan, sedang syaitan itu pula sangat kufur kepada Tuhannya*" (al-Isra: 26-27). Larangan pembaziran ini bukan sekadar nasihat moral, bahkan merupakan perintah tegas yang mengaitkan pembazir dengan sifat syaitan.

Dalam realiti masyarakat kontemporari, fenomena pembaziran harta telah mengambil bentuk yang lebih kompleks dan tersembunyi di sebalik naratif kebebasan peribadi dan gaya hidup moden. Salah satu manifestasi yang paling membimbangkan adalah penggunaan harta untuk menyokong dan menormalkan budaya songsang yang bercanggah dengan fitrah dan nilai-nilai Islam. Budaya songsang ini telah mewujudkan ekosistem ekonomi gelap yang dibiayai melalui peredaran harta secara tidak sah dan tidak bermoral.

Kawasan-kawasan tertentu telah menjadi tumpuan kepada aktiviti-aktiviti maksiat yang melibatkan eksploitasi ekonomi terhadap golongan yang terpinggir dan lemah. Aktiviti songsang melibatkan pergerakan wang yang besar bukan sahaja melanggar prinsip hifz al-mal, malah turut memusnahkan maqasid lain seperti pemeliharaan nyawa (*hifz al-nafs*), akal (*hifz al-aql*) dan maruah (*hifz al-ird*). Menurut al-Raysuni, syariat menjadikan pemeliharaan harta sebagai salah satu objektif utamanya, yang seterusnya menuntut larangan terhadap sebarang bentuk pembaziran harta dan transaksi berisiko yang boleh membawa kepada kehilangan atau kerosakan harta. Fenomena ini menunjukkan bagaimana pembaziran harta dalam bentuk pembiayaan aktiviti haram boleh membawa kepada kerosakan yang menyeluruh dalam masyarakat.

Pendekatan negatif dalam *maqasid hifz al-mal* menuntut pencegahan tegas terhadap pembaziran harta dalam bentuk sedemikian. Ia memerlukan penguatkuasaan undang-undang yang ketat, program kesedaran masyarakat tentang bahaya pembaziran harta untuk aktiviti maksiat, dan penglibatan aktif badan-badan kebajikan Islam dalam usaha menyelamatkan dan memulihkan golongan yang terperangkap dalam budaya songsang. Pencegahan pembaziran ini bukan sekadar menjimatkan wang, bahkan menyelamatkan individu dan masyarakat daripada kerosakan yang lebih besar.

2. Larangan terhadap Pengambilan dan Penggunaan Harta secara Batil

Pengambilan dan penggunaan harta secara batil merupakan antara larangan yang tegas dalam Islam sebagai sebahagian daripada pendekatan negatif dalam *maqasid hifz al-mal*. Allah SWT berfirman dengan jelas: "*Dan janganlah setengah kamu memakan harta setengah yang lain di antara kamu dengan jalan yang batil*" (al-Baqarah: 188). Larangan ini merangkumi segala bentuk transaksi yang melibatkan penipuan, eksploitasi, riba, rasuah dan apa jua bentuk perolehan harta yang tidak mematuhi prinsip keadilan dan kesahan syarak.

Dalam konteks fenomena budaya songsang kontemporari, pengambilan harta secara batil telah mengambil dimensi yang lebih kompleks dan tersembunyi di sebalik pelbagai justifikasi moden. Industri hiburan yang

mempromosikan budaya songsang, platform digital yang menjana keuntungan melalui kandungan lucah dan maksiat, serta perniagaan yang mengeksploitasi kelemahan moral masyarakat merupakan contoh jelas bagaimana harta diperolehi melalui jalan yang bercanggah dengan maqasid al-shariah. Fenomena ini semakin serius apabila teknologi digital memudahkan penyebaran kandungan haram dan membolehkan individu mengaut keuntungan yang besar daripada aktiviti maksiat tanpa perlu berhadapan secara langsung dengan mangsa atau pelanggan mereka.

Penggunaan harta untuk menyokong dan membiayai aktiviti budaya songsang turut termasuk dalam kategori penggunaan harta secara batil yang mesti dicegah. Fenomena di mana harta digunakan untuk menaja program-program yang menormalisasikan gaya hidup bertentangan dengan fitrah, membiayai kempen yang mempromosikan nilai-nilai songsang, atau menyokong platform media yang menyebarkan fahaman liberal melampau yang menafikan batasan syarak merupakan bentuk penyalahgunaan harta yang serius. Walaupun aktiviti-aktiviti ini mungkin dilindungi oleh undang-undang sivil di sesetengah negara, dari perspektif maqasid al-shariah, ia tetap merupakan penggunaan harta secara batil kerana ia membawa kepada kerosakan moral dan sosial yang meluas.

Dalam kerangka *maqasid hifz al-mal*, pencegahan terhadap pengambilan dan penggunaan harta secara batil ini memerlukan pendekatan yang komprehensif dan bersepadu. Ia melibatkan penguatkuasaan undang-undang yang ketat terhadap aktiviti ekonomi haram, kawalan ketat terhadap platform digital yang menjana pendapatan daripada kandungan maksiat melalui sistem penapisan dan pengawasan yang efektif, pendidikan kesedaran masyarakat tentang keharaman sumber pendapatan yang bercanggah dengan syarak, dan yang paling penting, pembinaan sistem ekonomi alternatif yang menawarkan peluang pendapatan halal yang kompetitif dan mencukupi. Tanpa alternatif ekonomi yang kukuh, pencegahan terhadap pengambilan harta secara batil akan sukar untuk direalisasikan kerana individu yang terdesak akan cenderung untuk memilih jalan mudah walaupun ia melanggar syarak.

Hal ini penting kerana apabila harta diperolehi dan digunakan melalui jalan yang batil, ia bukan sahaja melanggar prinsip *hifz al-mal*, malah turut memusnahkan maqasid lain seperti pemeliharaan agama (*hifz al-din*) kerana ia menjauhkan individu daripada nilai-nilai Islam, pemeliharaan maruah (*hifz al-ird*) kerana ia melibatkan pengkomersilan kehormatan, dan kestabilan sosial masyarakat kerana ia mewujudkan jurang ekonomi yang tidak adil antara mereka yang memperolehi harta secara halal dan mereka yang menggunakan jalan haram. Justeru, larangan terhadap pengambilan dan penggunaan harta secara batil bukan sekadar larangan syarak yang bersifat individual, bahkan merupakan mekanisme perlindungan sosial yang menyeluruh bagi memastikan kemaslahatan ummah terpelihara dalam jangka masa panjang.

Kesimpulan

Maqasid *hifz al-mal* sebagai salah satu daripada *al-daruriyyat al-khamsah* memainkan peranan penting dalam memastikan kesejahteraan manusia yang bukan sekadar melindungi aset material, bahkan merangkumi dimensi spiritual, moral dan sosial. Dalam menghadapi cabaran budaya songsang

kontemporari, pemeliharaan harta memerlukan pendekatan bersepadu melalui cara positif yang membina kesedaran tentang harta sebagai amanah dan menggalakkan ekonomi halal, serta cara negatif yang mencegah pembaziran dan pengambilan harta secara batil. Justeru, semua pihak perlu berganding bahu dalam membina kesedaran, menggubal dasar komprehensif, dan menyediakan ekosistem ekonomi halal bagi merealisasikan maqasid hifz al-mal secara menyeluruh demi membina masyarakat yang adil, makmur dan sejahtera berasaskan nilai-nilai Islam yang murni. Wallahu alam bi al-sawab.

Rujukan

Al-Raysuni, A. (2005). *Nazariyyat al-maqasid inda al-Imam al-Shatibi*. Herndon: International Institute of Islamic Thought.

Al-Zuhayli, W. (2011). *Al-Fiqh al-Islami wa adillatuhu* (Vol. 8). Damsyik: Dar al-Fikr.

Auda, J. (2008). *Maqasid al-Shariah as philosophy of Islamic law: A systems approach*. London: International Institute of Islamic Thought. Fuzi, C. N. S. M. (2025, Jun 11). Aksi intim di media sosial:

Mengaut untung atau memperjudikan maruah bangsa? Majlis Keselamatan Negara.

<https://www.mkn.gov.my/web/ms/2025/06/11/aksi-intim-di-media-sosial-mengaut-untung-atau-memperjudikan-maruah-bangsa/>

Ghazali, M. (2014). *Maqasid syariah: Memahami tujuan utama syariah dalam kehidupan*. Kuala Lumpur: Telaga Biru.

Ibn Manzur. (1993). *Lisan al-Arab* (Vol. 11). Beirut: Dar Kutub Ilmiyyah.

Noh, M. A. C., & Rahman, E. Z. E. A. (2017). Ancaman hedonisme terhadap remaja Islam di Malaysia. *Jurnal Penyelidikan Islam*, 29, 1-16.

Wehr, H. (1979). *A dictionary of modern written Arabic*. Ithaca: Spoken Language Services.

Kesan Hubungan Songsang Terhadap Akhlak Remaja Muslim: Analisis Berdasarkan al-Quran, Hadis dan Realiti Semasa

Oleh:

Nurul Atikah binti Poniran, Nurul Safwah binti Mohd Aminuddin Zaki & Ahmad Bukhari bin Samsul Ariffin

Pensyarah, Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), UiTM Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Kuala Pilah.

al-Quran, hadis-hadis sahih, serta realiti semasa yang berlaku dalam masyarakat Malaysia. Pendekatan ini penting bagi memastikan kefahaman yang seimbang antara ketegasan hukum syarak dan keperluan dakwah berhikmah dalam membentuk akhlak remaja.

Pengenalan

Fenomena hubungan songsang seperti homoseksual, lesbian, biseksual dan transgender (LGBT) semakin ketara dalam masyarakat kontemporari, termasuk dalam kalangan remaja Muslim. Isu ini bukan sahaja dibahaskan di peringkat sosial dan perundangan, malah turut mencetuskan polemik dari sudut agama, akhlak dan pembinaan sahsiah umat Islam. Dalam konteks Malaysia sebagai sebuah negara yang meletakkan Islam sebagai agama Persekutuan, isu hubungan songsang dilihat sebagai satu cabaran serius terhadap nilai fitrah, moral dan identiti keislaman generasi muda.

Islam sebagai agama yang syumul telah menetapkan garis panduan yang jelas berkaitan hubungan seksual, akhlak dan pembinaan masyarakat. Al-Quran dan al-Sunnah secara tegas menolak sebarang bentuk hubungan songsang yang bercanggah dengan fitrah kejadian manusia. Kisah kaum Nabi Lut a.s. sering dijadikan rujukan utama dalam al-Quran sebagai peringatan terhadap implikasi buruk perbuatan homoseksual, bukan sahaja dari sudut dosa individu tetapi juga kerosakan sosial dan kehancuran tamadun.

Artikel ini bertujuan menganalisis isu hubungan songsang dari perspektif Islam dengan menumpukan kepada kesannya terhadap akhlak remaja Muslim masa kini. Perbincangan ini menggabungkan analisis ayat-ayat

Isu Hubungan Songsang Dalam Masyarakat Kontemporari

Hubungan songsang merujuk kepada perlakuan seksual yang bercanggah dengan fitrah kejadian manusia iaitu hubungan sesama jenis dan kecelaruan identiti jantina. Dalam konteks semasa, hubungan songsang sering dipromosikan atas nama hak asasi manusia, kebebasan individu dan kesamarataan gender. Fenomena ini disokong oleh jaringan media sosial, organisasi bukan kerajaan (NGO) serta pengaruh budaya global yang semakin terbuka menerima gaya hidup LGBT.

Di Malaysia, isu LGBT dilihat semakin mencabar norma masyarakat dan nilai agama. Beberapa kajian menunjukkan bahawa gejala ini telah menular dalam kalangan remaja dan pelajar institusi pengajian tinggi, sama ada secara terbuka atau tersembunyi. Lebih membimbangkan, terdapat usaha untuk menormalisasikan hubungan songsang sebagai satu pilihan hidup yang sah dan tidak bercanggah dengan agama, sekali gus mengelirukan kefahaman remaja Muslim

Isu ini juga memberi kesan kepada institusi pendidikan dan agama apabila berlaku kes-kes salah laku seksual melibatkan golongan muda, termasuk di pusat-pusat pengajian agama. Keadaan ini mencerminkan krisis akhlak dan kegagalan sistem sokongan sosial dalam membimbing

remaja agar berpegang teguh kepada nilai Islam. Tambahan pula, pertembungan antara undang-undang syariah dan tuntutan hak asasi antarabangsa telah membuka ruang manipulasi undang-undang oleh pihak yang menyokong gaya hidup songsang.

Analisis Ayat Al-Quran Berkaitan Hubungan Songsang

Al-Quran secara jelas membicarakan isu hubungan songsang melalui kisah kaum Nabi Lut a.s. Kisah ini diulang dalam beberapa surah seperti Surah al-A'raf, Surah Hud, Surah al-Shu'ara' dan Surah al-Naml, menandakan kepentingan mesej yang ingin disampaikan kepada umat manusia.

Firman Allah SWT dalam Surah al-A'raf ayat 80–81 bermaksud:

“Dan (Kami juga mengutuskan) Nabi Lut, ketika dia berkata kepada kaumnya: ‘Mengapa kamu melakukan perbuatan keji yang tidak pernah dilakukan oleh seorang pun sebelum kamu di dunia ini? Sesungguhnya kamu mendatangi lelaki untuk memuaskan nafsu syahwat kamu dengan meninggalkan perempuan. Bahkan kamu adalah kaum yang melampaui batas.’”

Ayat ini menjelaskan bahawa hubungan songsang bukan sahaja suatu perbuatan yang menyimpang, malah dikategorikan sebagai *fahishah* (perbuatan keji) dan melampaui batas fitrah manusia. Para *mufassir* menjelaskan bahawa dosa kaum Nabi Lut bukan sekadar homoseksual semata-mata, tetapi keengganan mereka menerima nasihat, menormalisasikan maksiat dan mencabar hukum Allah secara terbuka.

Selain itu, Surah al-Shu'ara' ayat 165–166 menegaskan bahawa hubungan heteroseksual melalui perkahwinan adalah fitrah yang ditetapkan Allah, manakala hubungan songsang merupakan penyimpangan yang membawa kepada kehancuran moral dan sosial. Azab yang diturunkan kepada kaum Nabi Lut menjadi peringatan bahawa keruntuhan akhlak kolektif akan mengundang kemurkaan Allah dan kehancuran masyarakat.

Pandangan Hadis Terhadap Perlakuan Hubungan Songsang

Hadis Nabi SAW turut menjelaskan larangan keras terhadap perbuatan hubungan songsang. Walaupun terdapat perbincangan tentang status sebahagian hadis, para ulama hadis telah menilai dan mengesahkan kewujudan hadis-hadis sahih berkaitan perlakuan liwat dan penyerupaan jantina.

Antara hadis yang masyhur ialah sabda Nabi SAW yang diriwayatkan daripada Ibn 'Abbas RA:

“Sesiapa yang kamu dapati melakukan perbuatan kaum Lut, maka bunuhlah pelaku dan yang diperlakukan.”

Kajian *takhrij* hadis menunjukkan bahawa sebahagian riwayat berkaitan liwat mempunyai status sahih atau hasan, manakala sebahagiannya *daif* atau *mawdu'*. Namun, kesepakatan ulama menyatakan bahawa perbuatan liwat adalah dosa besar dan termasuk dalam jenayah syariah yang serius.

Kesan Hubungan Songsang Terhadap Akhlak Remaja Muslim Masa Kini

Hubungan songsang memberi kesan besar terhadap pembentukan akhlak remaja Muslim. Antara kesan utama ialah kekeliruan identiti diri, keruntuhan nilai malu (*haya'*), dan normalisasi maksiat dalam kehidupan seharian. Remaja yang terdedah kepada ideologi songsang tanpa bimbingan

agama yang kukuh mudah terpengaruh dan menganggap perbuatan tersebut sebagai perkara biasa.

Selain itu, hubungan songsang turut merosakkan struktur keluarga dan konsep perkahwinan dalam Islam. Remaja yang menerima ideologi ini cenderung menolak institusi keluarga tradisional, sekali gus menjejaskan kesinambungan keturunan dan kestabilan sosial. Dari sudut psikologi, remaja yang terlibat dalam hubungan songsang berisiko mengalami tekanan emosi, konflik dalaman dan krisis spiritual.

Kesan yang lebih membimbangkan ialah penularan budaya relativisme moral, iaitu tiada lagi batas antara halal dan haram. Apabila dosa dinormalisasikan, akhlak Islam seperti amanah, kesucian diri dan tanggungjawab sosial akan terhakis. Hal ini akhirnya melahirkan generasi yang lemah jati diri dan mudah dipengaruhi oleh budaya hedonisme serta kebebasan tanpa batas.

Pendekatan Dakwah Dan Pemulihan Akhlak

Dalam menangani isu hubungan songsang, pendekatan Islam tidak terhad kepada hukuman semata-mata, tetapi turut menekankan dakwah, pendidikan dan pemulihan. Pendekatan dakwah yang berhikmah, berperingkat dan berasaskan kasih sayang amat penting dalam membimbing remaja kembali kepada fitrah Islam.

Kajian menunjukkan bahawa metodologi dakwah seperti dakwah bi al-hal, pendekatan psikologi, pembinaan sahsiah dan sokongan sosial berkesan dalam membantu golongan yang terlibat dengan kecelaruan seksual

Pendidikan akhlak yang menyeluruh di rumah, sekolah dan masyarakat perlu diperkukuhkan agar remaja memahami hikmah larangan syarak dan kepentingan menjaga maruah diri.

Kesimpulan

Hubungan songsang merupakan isu serius yang memberi kesan mendalam terhadap akhlak remaja Muslim dan kesejahteraan masyarakat secara keseluruhan. Al-Quran dan hadis dengan jelas menolak perbuatan ini kerana ia bercanggah dengan fitrah kejadian manusia dan membawa kepada kerosakan moral serta sosial. Kisah kaum Nabi Lut a.s. menjadi peringatan abadi tentang akibat buruk normalisasi maksiat dan penolakan terhadap hukum Allah. Dalam menghadapi cabaran semasa, umat Islam perlu mengimbangi ketegasan hukum dengan kebijaksanaan dakwah. Remaja Muslim harus diperkasa dengan ilmu, iman dan akhlak agar mampu menolak pengaruh ideologi songsang dan mempertahankan identiti Islam. Usaha kolektif antara institusi keluarga, pendidikan, agama dan negara amat penting bagi memastikan generasi muda membesar dalam persekitaran yang sihat, berakhlak dan selari dengan ajaran Islam.

Rujukan

- Afandi, M. A. M., & Nasri, M. S. (2019). Gejala LGBT di Malaysia: Isu dan cadangan penyelesaian. *Journal of Law & Governance*, 2(1), 51–65.
- Fauzi, M. M. A. (2025). Status hadis berkaitan liwat dalam kitab *Tanbīh al-Ghāfilīn* oleh Haji Abdullah bin Abdul Mubin. *Journal of Hadith Studies*, 10(1), 58–72.
- Haridi, N. H., Abd. Rahman, K. A., & Wazir, R. (2016). Metodologi dakwah terhadap golongan lesbian, gay, biseksual dan transgender (LGBT). *Jurnal Pengajian Islam*, 9(2), 103–119.

remaja agar berpegang teguh kepada nilai Islam. Tambahan pula, pertembungan antara undang-undang syariah dan tuntutan hak asasi antarabangsa telah membuka ruang manipulasi undang-undang oleh pihak yang menyokong gaya hidup songsang.

Analisis Ayat Al-Quran Berkaitan Hubungan Songsang

Al-Quran secara jelas membicarakan isu hubungan songsang melalui kisah kaum Nabi Lut a.s. Kisah ini diulang dalam beberapa surah seperti Surah al-A'raf, Surah Hud, Surah al-Shu'ara' dan Surah al-Naml, menandakan kepentingan mesej yang ingin disampaikan kepada umat manusia.

Firman Allah SWT dalam Surah al-A'raf ayat 80–81 bermaksud:

“Dan (Kami juga mengutuskan) Nabi Lut, ketika dia berkata kepada kaumnya: ‘Mengapa kamu melakukan perbuatan keji yang tidak pernah dilakukan oleh seorang pun sebelum kamu di dunia ini? Sesungguhnya kamu mendatangi lelaki untuk memuaskan nafsu syahwat kamu dengan meninggalkan perempuan. Bahkan kamu adalah kaum yang melampaui batas.’”

Ayat ini menjelaskan bahawa hubungan songsang bukan sahaja suatu perbuatan yang menyimpang, malah dikategorikan sebagai *fahishah* (perbuatan keji) dan melampaui batas fitrah manusia. Para *mufassir* menjelaskan bahawa dosa kaum Nabi Lut bukan sekadar homoseksual semata-mata, tetapi keengganan mereka menerima nasihat, menormalisasikan maksiat dan mencabar hukum Allah secara terbuka.

Selain itu, Surah al-Shu'ara' ayat 165–166 menegaskan bahawa hubungan heteroseksual melalui perkahwinan adalah fitrah yang ditetapkan Allah, manakala hubungan songsang merupakan penyimpangan yang membawa kepada kehancuran moral dan sosial. Azab yang diturunkan kepada kaum Nabi Lut menjadi peringatan bahawa keruntuhan akhlak kolektif akan mengundang kemurkaan Allah dan kehancuran masyarakat.

Pandangan Hadis Terhadap Perlakuan Hubungan Songsang

Hadis Nabi SAW turut menjelaskan larangan keras terhadap perbuatan hubungan songsang. Walaupun terdapat perbincangan tentang status sebahagian hadis, para ulama hadis telah menilai dan mengesahkan kewujudan hadis-hadis sahih berkaitan perlakuan liwat dan penyerupaan jantina.

Antara hadis yang masyhur ialah sabda Nabi SAW yang diriwayatkan daripada Ibn 'Abbas RA:

“Sesiapa yang kamu dapati melakukan perbuatan kaum Lut, maka bunuhlah pelaku dan yang diperlakukan.”

Kajian *takhrij* hadis menunjukkan bahawa sebahagian riwayat berkaitan liwat mempunyai status sahih atau hasan, manakala sebahagiannya *daif* atau *mawdu'*. Namun, kesepakatan ulama menyatakan bahawa perbuatan liwat adalah dosa besar dan termasuk dalam jenayah syariah yang serius.

Kesan Hubungan Songsang Terhadap Akhlak Remaja Muslim Masa Kini

Hubungan songsang memberi kesan besar terhadap pembentukan akhlak remaja Muslim. Antara kesan utama ialah kekeliruan identiti diri, keruntuhan nilai malu (*haya'*), dan normalisasi maksiat dalam kehidupan seharian. Remaja yang terdedah kepada ideologi songsang tanpa bimbingan

agama yang kukuh mudah terpengaruh dan menganggap perbuatan tersebut sebagai perkara biasa.

Selain itu, hubungan songsang turut merosakkan struktur keluarga dan konsep perkahwinan dalam Islam. Remaja yang menerima ideologi ini cenderung menolak institusi keluarga tradisional, sekali gus menjejaskan kesinambungan keturunan dan kestabilan sosial. Dari sudut psikologi, remaja yang terlibat dalam hubungan songsang berisiko mengalami tekanan emosi, konflik dalaman dan krisis spiritual.

Kesan yang lebih membimbangkan ialah penuluran budaya relativisme moral, iaitu tiada lagi batas antara halal dan haram. Apabila dosa dinormalisasikan, akhlak Islam seperti amanah, kesucian diri dan tanggungjawab sosial akan terhakis. Hal ini akhirnya melahirkan generasi yang lemah jati diri dan mudah dipengaruhi oleh budaya hedonisme serta kebebasan tanpa batas.

Pendekatan Dakwah Dan Pemulihan Akhlak

Dalam menangani isu hubungan songsang, pendekatan Islam tidak terhad kepada hukuman semata-mata, tetapi turut menekankan dakwah, pendidikan dan pemulihan. Pendekatan dakwah yang berhikmah, berperingkat dan berasaskan kasih sayang amat penting dalam membimbing remaja kembali kepada fitrah Islam.

Kajian menunjukkan bahawa metodologi dakwah seperti dakwah bi al-hal, pendekatan psikologi, pembinaan sahsiah dan sokongan sosial berkesan dalam membantu golongan yang terlibat dengan kecelaruan seksual

Pendidikan akhlak yang menyeluruh di rumah, sekolah dan masyarakat perlu diperkukuhkan agar remaja memahami hikmah larangan syarak dan kepentingan menjaga maruah diri.

Kesimpulan

Hubungan songsang merupakan isu serius yang memberi kesan mendalam terhadap akhlak remaja Muslim dan kesejahteraan masyarakat secara keseluruhan. Al-Quran dan hadis dengan jelas menolak perbuatan ini kerana ia bercanggah dengan fitrah kejadian manusia dan membawa kepada kerosakan moral serta sosial. Kisah kaum Nabi Lut a.s. menjadi peringatan abadi tentang akibat buruk normalisasi maksiat dan penolakan terhadap hukum Allah. Dalam menghadapi cabaran semasa, umat Islam perlu mengimbangi ketegasan hukum dengan kebijaksanaan dakwah. Remaja Muslim harus diperkasa dengan ilmu, iman dan akhlak agar mampu menolak pengaruh ideologi songsang dan mempertahankan identiti Islam. Usaha kolektif antara institusi keluarga, pendidikan, agama dan negara amat penting bagi memastikan generasi muda membesar dalam persekitaran yang sihat, berakhlak dan selari dengan ajaran Islam.

Rujukan

- Afandi, M. A. M., & Nasri, M. S. (2019). Gejala LGBT di Malaysia: Isu dan cadangan penyelesaian. *Journal of Law & Governance*, 2(1), 51–65.
- Fauzi, M. M. A. (2025). Status hadis berkaitan liwat dalam kitab *Tanbīh al-Ghāfilīn* oleh Haji Abdullah bin Abdul Mubin. *Journal of Hadith Studies*, 10(1), 58–72.
- Haridi, N. H., Abd. Rahman, K. A., & Wazir, R. (2016). Metodologi dakwah terhadap golongan lesbian, gay, biseksual dan transgender (LGBT). *Jurnal Pengajian Islam*, 9(2), 103–119.

Antara Kebebasan dan Fitrah: Pengukuhan Agama dalam Menangani Fenomena

Oleh:

Dr Nabilah Huda Zaim

Pensyarah Kanan, Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), UiTM Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Kuala Pilah

Fenomena songsang dalam realiti masyarakat semasa

Sejak kebelakangan ini, masyarakat semakin kerap didedahkan dengan isu yang dikaitkan dengan fenomena songsang. Istilah "songsang" lazimnya merujuk kepada tingkah laku, gaya hidup atau fahaman yang menyimpang daripada fitrah asal manusia serta norma sosial yang telah lama diterima, khususnya dalam aspek akhlak, hubungan dan pembentukan identiti diri.

Fenomena ini tidak berlaku secara tiba-tiba. Ia dipengaruhi oleh pelbagai faktor seperti arus globalisasi, kebebasan tanpa sempadan di media sosial, pengaruh budaya luar serta kefahaman yang semakin kabur terhadap nilai agama dan konsep fitrah insan. Dalam situasi ini, sebahagian masyarakat mula keliru dalam membezakan antara prinsip kebebasan individu dengan batasan moral yang sepatutnya menjadi panduan bersama.

Data yang dikompilasikan daripada laporan Kementerian Kesihatan Malaysia menunjukkan bahawa lebih daripada 50 peratus jangkitan HIV sejak tahun 2018 berpunca daripada hubungan homoseksual dan biseksual. Trend peningkatan yang berterusan ini tidak boleh dipandang ringan, khususnya apabila melibatkan generasi muda yang sedang melalui fasa pembentukan jati diri dan nilai kehidupan.

Kebimbangan masyarakat hari ini bukan lagi terhad kepada isu pergaulan bebas dalam kalangan remaja, malah turut merangkumi kebimbangan terhadap pembentukan identiti lelaki dan perempuan selari dengan fitrah masing-masing. Sebarang perlakuan yang merosakkan fitrah ini bukan sahaja memberi kesan kepada individu, bahkan berpotensi menggugat kestabilan institusi keluarga dan kesejahteraan masyarakat secara keseluruhan.

Keperluan pengukuhan agama berasaskan kerangka Ilahiyyah dan Nubuwwah

Sehubungan itu, pengukuhan kefahaman agama berasaskan kerangka Ilahiyyah dan Nubuwwah perlu diberi penekanan yang serius, terutamanya dalam kalangan generasi muda. Islam sejak awal kemunculannya telah menyediakan garis panduan kehidupan yang jelas dan menyeluruh, bukan sahaja dalam bentuk hukum tetapi juga sebagai panduan membina kefahaman, nilai dan akhlak. Dalam hal ini, peranan asatizah, ulama', umara' serta para pendidik amat signifikan dalam memastikan kefahaman agama ini disampaikan secara berperingkat, realistik dan berkesan.

Antara aspek utama yang perlu diperkukuh ialah kefahaman tentang fitrah manusia. Islam tidak menetapkan hukum secara reaktif terhadap perubahan sosial, sebaliknya

berpaksikan kepada fitrah, iaitu keadaan semula jadi manusia yang diciptakan oleh Allah. Al-Quran menjelaskan bahawa manusia diciptakan secara berpasang-pasangan dan hubungan antara lelaki dan perempuan disyariatkan melalui institusi perkahwinan sebagai asas pembinaan keluarga dan masyarakat yang sejahtera.

Islam turut mengajarkan bahawa setiap insan memiliki fitrah yang jelas termasuklah peranan, kecenderungan dan tanggungjawab sebagai hamba dan khalifah. Kefahaman tentang fitrah ini perlu diterapkan sejak awal agar generasi muda memahami bahawa fitrah bukan suatu pilihan yang boleh diubah mengikut kehendak, tetapi merupakan anugerah Ilahi yang perlu dipelihara. Kehidupan yang selari dengan fitrah akan melahirkan kesejahteraan dalaman, manakala penentangan terhadap fitrah sering membawa kepada konflik jiwa dan kekeliruan identiti. Apabila konsep fitrah difahami dengan betul, kecenderungan untuk menghalalkan penyimpangan atas nama kebebasan dapat dibendung.

Di samping itu, pendidikan akidah merupakan asas penting yang tidak boleh dipinggirkan. Realitinya, masih terdapat sebahagian masyarakat yang memahami agama pada tahap amalan luaran semata-mata, tetapi kurang mantap dari sudut akidah dan tasawur Islam. Pendidikan akidah perlu menekankan konsep ketuhanan, tujuan penciptaan manusia, makna penghambaan serta hubungan erat antara iman, akhlak dan tingkah laku seharian. Akidah yang kukuh akan berfungsi sebagai "kompas dalaman" yang membimbing individu membuat penilaian yang betul walaupun tanpa pengawasan luaran.

Pemahaman terhadap Maqasid Syariah juga wajar diterapkan dalam usaha menangani fenomena ini. Larangan dalam Islam sering disalah tafsir sebagai sekatan kebebasan, sedangkan setiap hukum syariat bertujuan memelihara kemaslahatan manusia. Melalui kefahaman maqasid, masyarakat akan menyedari bahawa peraturan berkaitan perhubungan manusia adalah untuk menjaga maruah, keturunan dan kestabilan sosial. Kebebasan yang tidak berpandukan batasan akhirnya membawa kemudaratan, bukan sahaja kepada individu tetapi juga kepada masyarakat secara kolektif.

Selain itu, pendidikan akhlak dan adab perlu diperkasakan sejak awal usia. Fenomena songsang lazimnya bermula daripada kekeliruan akhlak sebelum berkembang menjadi pegangan ideologi. Oleh itu, adab terhadap diri, keluarga dan masyarakat perlu dipupuk secara konsisten. Sifat malu (haya') sebagai benteng iman wajar dihidupkan di samping penjelasan yang seimbang tentang konsep dosa dan pahala agar dapat dihayati dengan lebih mendalam. Akhlak yang baik berfungsi sebagai benteng awal sebelum berlakunya pelanggaran hukum yang lebih besar.

Peranan keluarga sebagai madrasah pertama juga tidak boleh dinafikan. Pencegahan yang paling berkesan bermula dari rumah. Ibu bapa perlu membina komunikasi yang terbuka dan berlandaskan agama, menjelaskan isu fitrah dan akhlak mengikut peringkat umur serta menjadi contoh teladan dalam tingkah laku dan tutur kata. Anak-anak yang dibekalkan kefahaman agama sejak kecil lebih berdaya tahan dalam menghadapi kekeliruan identiti dan cabaran nilai dalam persekitaran semasa.

Dari sudut faktor luaran pula, keupayaan menilai dan memahami media secara kritis merupakan satu keperluan mendesak pada masa kini. Generasi muda khususnya perlu dididik untuk menilai kandungan media berdasarkan nilai Islam serta membezakan antara normalisasi budaya dan kebenaran. Kesedaran bahawa tidak semua yang tular atau diterima umum itu benar amat penting bagi mengelakkan pemikiran dipengaruhi oleh naratif luar yang bercanggah dengan ajaran Islam.

Kebebasan berpandu Fitrah

Berdasarkan penekanan terhadap penerapan dan penguksuhan agama ini, diharapkan masyarakat dapat

memahami konsep kebebasan dan fitrah secara lebih seimbang. Kebebasan yang sebenar bukanlah kebebasan tanpa batas, tetapi kebebasan yang dipandu oleh tujuan penciptaan. Dalam kerangka Ilahiyah, manusia menyedari bahawa kehidupan ini berada di bawah kekuasaan Allah manakala melalui kerangka Nubuwwah, manusia dibimbing tentang cara mengurus kebebasan agar tidak membawa kepada kerosakan diri dan masyarakat.

Kesimpulan

Penguksuhan agama dalam konteks ini bukan bertujuan mengongkang atau menghukum, sebaliknya membimbing dan memandu. Apabila agama difahami secara menyeluruh, kebebasan tidak lagi dijadikan alasan untuk menolak nilai, tetapi dilihat sebagai amanah yang perlu dipelihara. Dalam dunia yang semakin terbuka dan penuh pengaruh, kembali kepada panduan Ilahiyah dan teladan Nubuwwah memberikan arah yang lebih seimbang, agar manusia terus hidup selari dengan fitrah, berakhlak dan bermakna di tengah perubahan zaman.

Akal Sihat Dalam Dunia Tidak Sihat

Oleh:

Siti Nur Husna Abd Rahman

Pensyarah, Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS),
UiTM Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Rembau.

Nadiah Binti Hj Mohd Zin

Fakulti Undang-Undang, Governan dan Hubungan
Antarabangsa, Universiti Islam Melaka (UNIMEL).

Dalam dunia moden yang serba canggih ini, manusia hidup dalam limpahan maklumat, hiburan dan teknologi yang semakin menguasai setiap aspek kehidupan. Dunia yang terbuka tanpa sempadan ini sebenarnya menghadirkan paradoks besar kepada manusia. Di satu sisi, kita meraikan kemajuan dan keterhubungan global, tetapi di sisi lain, kita berhadapan dengan hakikat bahawa dunia kini semakin tidak sihat, bukan kerana fizikalnya tetapi kerana nilai dan moral yang kian pudar.

Akal seharusnya menjadi panduan tertinggi bagi manusia dalam menentukan baik dan buruk, benar dan salah. Namun dalam realiti hari ini, akal sering dibayangi oleh nafsu, emosi dan keinginan untuk memenuhi kehendak dunia yang serba pantas. Fenomena ini menjadikan manusia bijak dari segi teknikal tetapi lemah dari segi akal budi. Kita mampu mencipta teknologi canggih tetapi gagal mengawal diri daripada ketagihan digital. Kita mampu menghubungkan dunia dengan satu klik tetapi gagal memahami makna sebenar hubungan insani.

Kajian oleh Van Bavel dan Packer (2024) dalam Annual Review of Psychology menjelaskan bahawa media sosial mempercepat dinamika moral masyarakat moden.

Maklumat yang disebar tidak lagi diukur dengan nilai kebenaran, tetapi dengan sejauh mana ia mampu menarik

perhatian. Dalam suasana ini, isu moral menjadi kabur. Sesuatu yang dahulu dianggap salah kini dilihat sebagai normal, bahkan diraikan atas nama kebebasan individu. Dunia digital menjadikan manusia cepat menilai, cepat menghukum dan cepat lupa sehingga kebenaran menjadi relatif mengikut kehendak majoriti.

Lebih membimbangkan apabila fenomena ini memberi kesan langsung kepada perkembangan moral remaja. Kajian oleh Fomukong (2024) menunjukkan bahawa penggunaan media sosial secara berlebihan melemahkan empati, menurunkan rasa tanggungjawab sosial dan meningkatkan sikap narsis dalam kalangan pelajar sekolah menengah di Cameroon. Fenomena yang sama boleh diperhatikan di seluruh dunia termasuk Malaysia apabila golongan muda semakin bergantung kepada dunia maya untuk mencari identiti, pengiktirafan dan kebahagiaan.

Dalam Islam, akal bukan sekadar alat berfikir tetapi juga amanah yang harus dijaga. Rasulullah SAW bersabda:

*"Tidak ada agama bagi orang yang tidak berakal."
(Hadis riwayat Ahmad)*

Hadis ini menegaskan bahawa akal yang sihat adalah asas kepada keimanan yang benar. Akal yang terpelihara membawa manusia kepada ketaatan dan kebenaran, manakala akal yang rosak menjadikan manusia terpesong daripada fitrah. Oleh itu, menjaga kesihatan akal bukan sekadar mengelak gila atau stres, tetapi menuntut kita memelihara fikiran daripada racun pemikiran, ideologi songsang dan pengaruh yang menyesatkan.

Dunia kini menyaksikan pertembungan antara nilai moral dan budaya bebas yang semakin menular. Fenomena

seperti normalisasi hubungan sejenis, budaya kandungan tanpa sempadan dan sikap menolak autoriti agama menjadi cabaran besar kepada masyarakat Islam. Dalam *Ethical Psychology Review* (2025), para penyelidik menegaskan bahawa paparan berterusan terhadap kandungan tidak bermoral di media sosial boleh mengubah cara manusia menilai baik dan buruk. Ia menjadikan perbuatan dosa kelihatan kecil, sementara perbuatan benar dianggap kolot dan mengongkang.

Bagi menghadapi dunia yang tidak sihat ini, umat Islam perlu kembali kepada dua kekuatan utama iaitu ilmu dan iman. Ilmu tanpa iman akan melahirkan manusia yang cerdas tetapi tidak berakhlak, manakala iman tanpa ilmu boleh menyebabkan seseorang mudah terpedaya dan jumud. Kedua-duanya perlu berjalan seiring supaya akal dapat berfungsi secara waras dan berpaksikan kebenaran wahyu.

Di samping itu, pendidikan moral dan agama di sekolah serta universiti perlu ditekankan semula dalam konteks semasa. Pembinaan karakter pelajar tidak boleh hanya berasaskan akademik, tetapi mesti disertai dengan pengukuhan nilai rohani dan etika digital. Ibu bapa, guru dan masyarakat harus memainkan peranan mendidik generasi muda agar berani berfikir tetapi tetap berpegang pada prinsip.

Masyarakat juga perlu menghidupkan kembali budaya menasihati dengan hikmah. Dalam dunia yang semakin individualistik, menegur dianggap mengganggu, menasihati dianggap menghakimi. Sedangkan dalam Islam, menasihati sesama insan ialah tanda kasih sayang. Akal yang sihat, lahir daripada hati yang lembut dan jiwa yang mahu menerima kebenaran.

Akhirnya, dalam dunia yang tidak lagi sihat, kita memerlukan manusia yang mampu berfikir secara waras, menilai dengan iman dan bertindak dengan hikmah. Dunia ini mungkin terus berubah dan menjadi semakin mencabar, tetapi selagi akal digunakan dengan berpandukan wahyu, kita tidak akan tersesat. Akal sihat akan terus menjadi cahaya yang memandu manusia menembusi kegelapan dunia yang sakit ini.

Rujukan

- Van Bavel, J. J., & Packer, D. J. (2024). Social Media and Morality. *Annual Review of Psychology*, 75, 341–369. <https://doi.org/10.1146/annurev-psych-032123-015732>
- Fomukong, M. C. (2024). The Impact of Social Media on Moral Values Among Young Adults in Cameroon Secondary Schools in the Centre Region. *International Journal of Research and Innovation in Social Science (IJRISS)*, 8(4), 90–98.
- Ethical Psychology Review*. (2025). Morality in Social Media: A Scoping Review. Retrieved from <https://www.ethicalpsychology.com/>

Puisi: Cahaya dalam Kegelapan

Oleh:

Siti Nur Husna Abd Rahman

Pensyarah, Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS),
UiTM Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Rembau.

Dalam dunia yang terang tanpa cahaya,
Manusia bersorak gembira di tepi jurang.
Teknologi megah di puncak minda,
Namun hati sunyi, hilang arah pandang.

Kita belajar tentang bintang dan langit,
Namun lupa membaca diri sendiri.
Kita mencipta mesin tanpa batas fikir,
Namun gagal mengawal nafsu dan hati.

Akal dikurnia untuk menimbang,
Bukan sekadar untuk berdebat dan menang.
Tetapi untuk mengenal Tuhan,
Dan membezakan benar dari bayang.

Dunia kini sakit tanpa luka,
Tersenyum di luar, hancur di jiwa.
Nilai moral rebah di kaki manusia,
Yang mengangkat salah atas nama kebebasan nyata.

Media sosial jadi pentas baharu,
Benar dan palsu berselirat di situ.
Yang salah diraikan, yang benar disisih,
Akal terikat dalam simpulan nafsu.

Di manakah suara hati yang waras?
Di manakah jiwa yang masih tenang?
Bila dosa dianggap sekadar gaya,
Dan pahala dipandang usang.

Bangkitlah wahai insan yang berfikir,
Gunakan akal sebelum ia terhijab.
Kembalilah kepada fitrah yang suci,
Agar dunia ini kembali sihat dan tegap.

Akal sihat bukan milik yang pandai,
Tetapi milik yang tunduk pada kebenaran.
Selagi wahyu jadi panduan,
Selagi itulah manusia punya harapan.

Kritikan Penyiaran: Sorotan Kejayaan 2025 Dan Jangkaan Industri Perfileman 2026

Oleh:

Shahril Anuar Abdul Ghalim

Pensyarah Kanan, Fakulti Komunikasi dan Pengajian Media
UiTM Negeri Sembilan, Kampus Rembau

Dalam menghuraikan jangkaan dan harapan bagi industri perfileman tanahair pada tahun 2026 adalah adil untuk disebut tentang pencapaian-pencapaian yang telah diperolehi. Dari sudut positif, industri perfileman Malaysia berjaya menamatkan tahun 2025 dalam keadaan yang baik.

Terdapat pelbagai genre yang telah dihasilkan berjaya menembus aspek penerimaan masyarakat Malaysia dan tiada isu atau kontroversi besar mendasarinya malah kesemuanya diurus dengan wajar. Walaupun ada yang mengkritik atas ketidakelesaian tertentu tetapi tiada topik besar untuk dibicarakan yang boleh menjejaskan atau menjadi penghalang kreativiti penghasilan karya filem.

Antara filem yang mendapat tempat adalah filem animasi yang berjaya dihasilkan. Populariti filem animasi tidak dapat dinafikan terutamanya dikalangan golongan muda. Malah sebagai penutup tahun 2025, filem animasi Papa Zola telah menerjah panggung dengan langkah yang cemerlang dari sudut sambutan penonton. Dan seperti kebiasaannya filem animasi akan sarat dengan kandungan untuk mendidik masyarakat terutamanya anak-anak muda sebagai golongan sasaran. Mesej kehidupan yang tidak terlalu berat tetapi jelas dipersembahkan dengan cara kreatif dirasakan mampu untuk meninggalkan kesan yang positif.

Begitu juga jika kita bersandarkan dengan acara penganugerahan filem seperti Festival Filem Malaysia 2025. Filem Babah telah dinobatkan sebagai filem terbaik mengatasi filem-filem lain yang mendapat sambutan hebat di pawagam. Filem Babah merupakan contoh terbaik betapa filem mampu untuk menterjemahkan mesej untuk mendidik penonton dengan mengetengahkan genre kekeluargaan dengan cara yang berkesan melalui pendekatan kreatif. Definisi kekeluargaan diterap dengan baik melalui watak yang dicipta dengan sandaran dialog dan emosi yang mantap.

Pengalaman unik yang dilalui oleh seorang bapa membesarkan anak digarap teliti bagi menimbulkan kesan yang berbeza. Penghasilan filem ini sangat didambakan kerana perkongsian kisah masyarakat dirasakan perlu untuk disebarkan agar dapat mewujudkan persepsi positif dikalangan masyarakat. Dan ternyata bahawa kualiti sesebuah filem sebenarnya adalah hakikat realiti kehidupan yang ditonjolkan dan bukannya berteraskan populariti yang diraih di panggung wayang.

Secara makronya, industri perfileman dilihat mampu untuk menjadi sumber didikan melalui hiburan kepada penonton yang nyata terpapar dari sudut kepelbagaian mesej dan naratif penceritaan yang diunjurkan dengan menarik. Kepelbagaian genre seperti aksi, drama, komedi, sejarah dan animasi mampu untuk menyajikan mesej pengajaran dengan perkongsian cerita kehidupan melalui pendekatan seni. Ini merupakan komitmen industri perfileman untuk senantiasa melakukan pembaharuan dalam penyampaian demi kebaikan masyarakat. Ternyata bahawa kekuatan persembahan audio visual yang menterjemahkan naratif penceritaan dengan kepelbagaian emosi dalam menyampaikan maklumat atau mesej yang terarah merupakan keistimewaan yang ada pada sebuah filem.

Berpandukan pencapaian 2025, kesemua data yang menyokong pencapaian filem di pawagam seperti hasil jualan tiket, bilangan filem yang dihasilkan, ulasan dan kritikan yang mendasari penerbitan, aspek modal dan keuntungan malah penganugerahan yang diterima adalah suatu suntikan semangat dan harapan untuk terus berdaya maju menyusun langkah di tahun 2026.

Justeru, adalah penting untuk tahun 2026 untuk industri ini mengekalkan momentum kejayaan dalam menyediakan kepelbagaian naratif dan mesej yang berkesan. Pertambahan kandungan berunsur intelektual adalah perlu untuk membijaksan masyarakat. Kandungan mesej berupa fakta sejarah, analisis falsafah kehidupan, mesej yang mengangkat identiti masyarakat dan isu-isu semasa yang sesuai dari sudut kepentingan penyaluran maklumat berupa pengajaran dan pendidikan kepada masyarakat dalam membentuk arah industri perfileman negara yang berketrampilan sebagai wadah mendidik secara kreatif.

Tanpa kita tahu, sememangnya sukar untuk memahami kehendak penonton yang pelbagai terutamanya berkaitan peralihan minat diluar jangkaan dan perkaitan naratif dengan realiti kehidupan. Ini merupakan suatu cabaran dalam proses membentuk naratif yang tidak bercanggah dengan minat atau tidak mengikut manifestasi dinamika realiti keperluan semasa.

Semoga tahun 2026 memberi nafas baharu dalam industri perfileman Malaysia untuk menyusun langkah demi kelangsungan kreativiti dalam mengolah naratif dan mesej yang memberi manfaat kepada masyarakat. Yang penting, masyarakat harus memberi peluang dan dapat mengimbangi sokongan yang menyumbang kepada kepelbagaian genre yang mempunyai kelebihan tertentu. Semoga filem 2026 dapat membawakan perbezaan agar tidak terikat dengan pencapaian terdahulu.

Puisi: Semalam Dihargai, Esok Diperhati

Oleh:

Shahril Anuar Abdul Ghalim

Pensyarah Kanan, Fakulti Komunikasi dan Pengajian Media
UiTM Negeri Sembilan, Kampus Rembau

Kejayaan terdahulu sokongan teras
Seelok dipandu dijadikan pegangan
Pujian diterima penanda aras
Diadun dibentuk demi kecemerlangan

Filem diperhebat isu semasa
Dialog diolah naratif cerita
Identiti Malaysia diangkat sentiasa
Menyemai benih cintakan negara

Walau kisah ada tak kena
Suka duka bersama siaga
Mesej disusun menyantun makna
Sumber didikan hiburan keluarga

Video digital resolusi tinggi
Dunia sinematik trend industri
Kualiti dipenuhi kecanggihan teknologi
Memenuhi selera keunikan tersendiri

Melihat menilai sudut artistik
Ada kelemahan renungan refleksi
Jangkaan industri pertimbangan realistik
Keanehan bicara jauhkan kontroversi

Angkat martabat pembawakan terkini
Kerdipan gemilang usah dipersia
Harapan cerah kemajuan seni
Tanda kecemerlangan filem Malaysia